

22 AUG 2001

Mahathir-Yemen

BANJIR KILAT DI PADANG PASIR, PENGALAMAN LUAR BIASA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 22 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata pengalamannya melihat banjir kilat di padang pasir semasa lawatannya ke Yemen minggu lepas adalah satu pengalaman luar biasa.

Katanya, beliau terpaksa menggunakan helikopter untuk melawat pelajar Malaysia yang sedang menuntut di Fakulti Undang-Undang, University Al-Ahqaf di Ta'arim kira-kira 40km dari bandar Seiyun, wilayah Hadhramout akibat banjir kilat berikutan hujan lebat di beberapa tempat di wilayah itu.

Dr Mahathir telah mengadakan lawatan rasmi pertama ke Yemen pada 15 Ogos lepas selama empat hari sebelum menghadiri Dialog Antarabangsa Perkongsian Pintar Global 2001 di Uganda.

Menurutnya, Yemen dan Malaysia bukan sahaja mempunyai hubungan rapat daripada segi penyebaran agama Islam tetapi ramai daripada mereka yang berasal dari negara itu turut terlibat dalam penubuhan Umno.

Beliau berkata demikian pada persidangan media di pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) di Subang dekat sini hari ini setibanya kembali dari Kampala.

Dr Mahathir berkata bekas Speaker Dewan Rakyat Allahyarham Tun Syed Nasir Ismail dan bekas Ketua Pemuda Allahyarham Tan Sri Syed Jaafar Albar yang merupakan antara mereka yang terlibat dalam penubuhan Umno, mempunyai hubungan kekeluargaan di Yemen.

Katanya, masih terdapat ramai penduduk di negara itu yang mampu bertutur dalam bahasa Melayu.

Walaupun negara itu tidak maju, ramai daripada keturunan rakyatnya terdapat di pelbagai negara termasuk di Arab Saudi, Indonesia dan Malaysia, katanya.

Beliau berkata ramai yang berjaya dan kaya-raya seperti keluarga Al-Sagof dan Al-Junied di Singapura.

-- BERNAMA

HK AZZ NMO